



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KEWANGAN**

**BAYARAN BKM FASA 2 RM1.74 BILION MULAI 27 JUN 2022: BANTUAN TUNAI
MENCECAH RM8.0 BILION BAGI 2022 TERTINGGI DALAM SEJARAH,
MEMANFAATKAN 12.6 JUTA INDIVIDU, BERSAMAAN 60% POPULASI DEWASA
MALAYSIA**

Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) merupakan inisiatif bantuan tunai langsung yang diumumkan di dalam Bajet 2022 bagi membantu mereka yang memerlukan untuk bangun semula pasca-pandemik dan meringankan beban kos sara hidup. Setakat ini, 8.6 juta penerima BKM telah diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,600 sekeluarga pada tahun 2022.

Seperti mana diumumkan YAB Perdana Menteri baru-baru ini, BKM Fasa 2 telah ditambah baik dengan bantuan tunai tambahan bernilai RM630 juta, dengan jumlah peruntukan keseluruhan BKM sebanyak RM8.0 bilion.

BKM Fasa 2 dengan peruntukan sebanyak RM1.74 bilion akan memanfaatkan 4.0 juta isi rumah, 1.2 juta warga emas (bujang/tiada pasangan) dan 3.4 juta individu bujang. **Setiap penerima yang layak akan menerima bayaran secara berperingkat mulai 27 Jun 2022 (Isnin). Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 27 Jun 2022 juga melalui pautan <https://bkm.hasil.gov.my>.**

BKM merupakan bantuan tunai langsung tertinggi dalam sejarah berbanding Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Bantuan Sara Hidup (BSH). Sebagai perbandingan, kadar maksimum BKM adalah RM2,600 berbanding BR1M (RM1,200) dan BSH (RM1,480). Ini adalah peningkatan bantuan sebanyak 120% sejak inisiatif bantuan tunai langsung mula diperkenalkan.

Di samping itu, **jumlah penerima BKM adalah 8.6 juta berbanding BSH dengan 4.5 juta penerima sahaja.** Peningkatan ini adalah kerana had kelayakan untuk menerima BKM

telah dinaikkan daripada berpendapatan RM4,000 ke bawah sebulan untuk BSH kepada RM5,000 ke bawah sebulan untuk BKM. Ini bermakna lebih ramai Keluarga Malaysia layak untuk menerima bantuan, termasuklah sebahagian M40 dan bukan terhad kepada golongan B40 sahaja seperti untuk inisiatif bantuan tunai langsung sebelum ini. Lazimnya, BKM dikenali sebagai bantuan kepada golongan B40, namun hakikatnya BKM kini memanfaatkan 12.6 juta¹ individu, iaitu bersamaan dengan 60 peratus daripada rakyat dewasa di Malaysia.

	BR1M (2017)	BSH (2019)	BKM (2022)
Peruntukan	RM6.3 bilion	RM5 bilion	RM8.0 bilion
Bilangan Penerima	7.2 juta	4.5 juta	8.6 juta
Kadar Bantuan Maksimum	RM1,200	RM1,480	RM2,600*
Kelayakan Pendapatan Isirumah	<RM4,000 sebulan	<RM4,000 sebulan	<RM5,000 sebulan

*Mengambil kira bantuan tunai tambahan sehingga RM100 melalui BKM Fasa 2

Kementerian Kewangan akan terus memantau faktor-faktor luaran yang boleh memberi impak negatif kepada situasi ekonomi domestik bagi memastikan kos sara hidup rakyat terkawal, Kerajaan juga sentiasa memantau situasi semasa dan yakinlah bahawa dasar Kerajaan, baik dari segi bantuan langsung mahupun yang tidak langsung seperti subsidi keperluan asas, adalah bertujuan memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela, .

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan

27 Jun 2022

¹ Isirumah = 2 individu dewasa (suami isteri) = 4 juta isirumah x 2 = 8 juta, Bujang = 3.4 juta, Warga emas bujang = 1.2 juta

AMAUN BAYARAN BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022 MENGIKUT FASA (TERMASUK BANTUAN TUNAI TAMBAHAN)

Kategori Penerima	Had Umur	Kategori Bantuan / Pendapatan Bulanan	Bilangan Anak	Jumlah Bantuan	Fasa 1	Fasa 2	Bantuan Tunai Tambahan	Fasa 3	Fasa 4
					Mac 2022	Jun 2022	Jun 2022	September 2022	Disember 2022
ISI RUMAH: Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak (Tambah RM500)	Tiada Had Umur	RM2,500 dan ke bawah	Anak 1-2	RM2,100	RM300	RM300	RM100	RM800	RM600
			Anak \geq 3	RM2,600	RM300	RM400	RM100	RM900	RM900
		RM2,501 - RM5,000	Anak 1-2	RM1,200	RM200	RM100	RM100	RM600	RM200
			Anak \geq 3	RM1,400	RM300	RM100	RM100	RM600	RM300
ISI RUMAH: Warga Emas (Tambah RM300)	\geq 60 Tahun	RM2,500 dan ke bawah	Anak 0	RM1,400	RM300	RM200	RM100	RM500	RM300
			Anak 1-2	RM1,900	RM300	RM300	RM100	RM600	RM600
			Anak \geq 3	RM2,400	RM300	RM400	RM100	RM700	RM900
		RM2,501 - RM5,000	Anak 0	RM800	RM100	RM100	RM100	RM400	RM100
			Anak 1-2	RM1,000	RM200	RM100	RM100	RM400	RM200
			Anak \geq 3	RM1,200	RM300	RM100	RM100	RM400	RM300
ISI RUMAH: (Tidak termasuk penerima kadar tambahan Isi Rumah)	Tiada Had Umur	RM2,500 dan ke bawah	Anak 0	RM1,100	RM300	RM200	RM100	RM200	RM300
			Anak 1-2	RM1,600	RM300	RM300	RM100	RM300	RM600
			Anak \geq 3	RM2,100	RM300	RM400	RM100	RM400	RM900
		RM2,501 - RM5,000	Anak 0	RM500	RM100	RM100	RM100	RM100	RM100
			Anak \geq 3	RM900	RM300	RM100	RM100	RM100	RM300
WARGA EMAS SEBATANG KARA	\geq 60 Tahun	RM5,000 dan ke bawah	Anak 0	RM650	RM150	RM150	RM50	RM150	RM150
BUJANG	21 - 59 Tahun	RM2,500 dan ke bawah	Anak 0	RM400	RM200		RM50	RM150	
BUJANG OKU	19 - 59 Tahun								